



3 November 2011
3 November 2011
P.U. (A) 368

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 4) 2011

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 4)
ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 4) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 4 November 2011.

Peremitan cukai

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan mana-mana Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam dengan nilai nominal sebanyak tiga ratus dan tiga puluh juta ringgit (RM330,000,000.00) (“Program IMTN”) oleh Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. (“Penerbit”) termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung jaminan (“Jaminan”) yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, yang kena dibayar oleh—

(a) Penerbit, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd.) 2011 [*P.U. (A) 367/2011*];

(b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam;

(c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program IMTN tersebut, termasuk mana-mana

pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen tersebut dipindahkan atau diserahkan; atau

- (d) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Jaminan tersebut, termasuk mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen tersebut dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen lain berhubung dengan Nota Jangka Sederhana Islam, Program IMTN tersebut atau Jaminan tersebut hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 1 November 2011
[KK/BPKA/M/(S)/689/6/1(6); PN(PU2)232/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 4) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 4) Order 2011**.

(2) This Order comes into operation on 4 November 2011.

Remission of Tax

2. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] shall be remitted in full in respect of any money payable under any agreement, note, instrument or document in relation to any of the Islamic Medium Term Notes issued pursuant to the Islamic Medium term Notes Programme in nominal value of three hundred and thirty million ringgit (RM330,000,000.00) (the "IMTN Programme") by Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. (the "Issuer") including, but not limited to any agreement, note, instrument and document in relation to the guarantee (the "Guarantee") provided or to be provided by the Government of Malaysia which is payable by—

(a) the Issuer, to which this Act applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd.) Order 2011 [*P.U. (A) 367/2011*];

(b) any holder of the Islamic Medium Term Notes;

(c) any other party to any agreement, note, instrument and document in relation to the IMTN Programme, including any party to whom such agreement, note, instrument and document is transferred or assigned; or

- (d) any other party to any agreement, note, instrument and document in relation to the Guarantee, including any party to whom such agreement, note, instrument and document is transferred or assigned.

Remission of stamp duty

3. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of any agreement, note, instrument or document in relation to the Islamic Medium Term Notes, the IMTN Programme or the Guarantee shall be remitted in full.

Made 1 November 2011

[KK/BPKA/M/(S)/689/6/1(6); PN(PU2)232/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance